



Tel : 04-2615669  
Fax/Tel: 04-2628664  
E-mail : secretariat@penangbar.org  
Website : www.penangbar.org

No. 4, Green Hall,  
1st Floor,  
10200 Penang,  
Malaysia.

## **JAWATANKUASA PEGUAM PULAU PINANG PENANG BAR COMMITTEE**

8hb Oktober 2019

MELALUI E-MEL & POS

**Assoc Prof To' Puan Dr Nor Asiah Mohamad**  
**Deputy Dean Post Graduate Studies**  
Ahmad Ibrahim Kulliyah Of Laws  
International Islamic University Malaysia  
Kampus Gombak  
53100 Jalan Gombak  
Kuala Lumpur

Assoc Prof To' Puan Dr.,

### **Jemputan Ahli Panel dan Penceramah Untuk Simposium Wakaf Negeri Pulau Pinang: Satu Evolusi**

Kami dengan hormat merujuk kepada perkara di atas.

2. Pihak kami dengan berbesar hati ingin menjemput Assoc Prof To' Puan Dr. sebagai salah seorang ahli panel dan penceramah di Simposium anjuran kami berkenaan Wakaf.

3. Butir-butir Simposium tersebut adalah seperti berikut:-

**Tajuk: Simposium Wakaf Negeri Pulau Pinang: Satu Evolusi**

**Tarikh: 25 November 2019 (Isnin)**

**Masa: 9:00 pagi hingga 5:30 petang (Pendaftaran bermula pada jam 8.30 pagi)**

**Tempat: Hotel Royale Chulan Pulau Pinang, No 1 & 2 Pengkalan Weld, Georgetown, Pulau Pinang**

4. Untuk makluman Assoc Prof To' Puan Dr., ahli panel/penceramah-penceramah bersama bagi Simposium ini adalah Y Bhg Dato' Seri Dr. Hj Wan Salim Bin Wan Mohd Noor, Tuan Hj Mohammad Sahar Mat Din, Y Bhg Dato' Norazmi Bin Mohd Narawi, Encik Mohamed Haniff Bin Khatri Abdulla, Dr. Arik Sanusi Bin Yeop Johari, Encik Mohideen Abdul Kader dan Puan Khoo Salma Nasution.

5. Aturcara tentatif Simposium adalah seperti berikut:

<b>Masa</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Penceramah</b>
8:30 – 9:00 pagi	Pendaftaran	
9:00 – 9:10 pagi	Ucapan Alu-Aluan	Encik Muneer Bin Mohamed Farid Pengerusi Jawatankuasa Kecil Syariah, Jawatankuasa Peguam Pulau Pinang
9:10 – 9:30 pagi	Ucapan Perasmian	YB Dato' Ir. Hj Ahmad Zakiyuddin Bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1, Pulau Pinang
9:30 – 10:15 pagi	Ucuptama	YB Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa Menteri di Jabatan Perdana Menteri– Hal Ehwal Agama Islam
10:15 – 10:35 pagi	Rehat	
10:35 – 11:30 pagi	Evolusi Wakaf dalam Perundangan Islam	Y Bhg Dato' Seri Dr. Hj Wan Salim Bin Wan Mohd Noor, Mufti Kerajaan Pulau Pinang
11:30 pagi – 12:45 tengahari	SIDANG PLENO 1: PEMBANGUNAN WAKAF - ADAKAH SATU PERNIAGAAN ATAU SATU KEBAJIKAN?	Moderator: Puan Sharifah Shafika Alsagoff  Ahli Panel 1: Tuan Hj Mohammad Sahar Mat Din, Timbalan Pengerusi & Pengarah Awqaf Holdings Berhad

		Ahli Panel 2: Y Bhg Dato' Norazmi Bin Mohd Narawi, Penasihat Undang- Undang Negeri Pulau Pinang  Ahli Panel 3: Encik Mohamed Haniff Bin Khatri Abdulla, Pengerusi Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang
12:45 tengahari- 1:00 petang	Sesi soal jawab	
1.00 – 2.30 petang	Rehat	
2:30 – 5:00 petang	<b>SIDANG PLENO 2: AMALAN WAKAF DI PULAU PINANG - ANALISIS KRITIKAL</b>  <b>Tajuk: Undang-Undang Sedia Ada Berkaitan Wakaf</b>  Tajuk: Maksud Sebenar Hasrat Wakaf dari Segi Syarak  Tajuk: Impak Pembangunan Wakaf kepada Masyarakat  Tajuk: Perlunya Pembangunan Wakaf Mengambil Kira Sejarah dan Masa Depan	Moderator: Encik Habib Rahman Bin Seeni Mohideen  <b>Ahli Panel 1- Associate Professor To' Puan Dr. Nor Asiah Mohamad, Timbalan Dekan Pascasiswazah, IIUM</b>  Ahli Panel 2- Dr. Arik Sanusi Bin Yeop Johari, Pengarah Seksyen Syariah Jabatan Peguam Negara  Ahli Panel 3- Encik Mohideen Abdul Kader, Penasihat Undang-Undang Persatuan Pengguna Pulau Pinang  Ahli Panel 4- Puan Khoo Salma Nasution, Presiden Persatuan Warisan Pulau Pinang dan Pemilik Muzium Sun Yat-Sen Pulau Pinang
5:00 – 5:20 petang	Sesi soal jawab	
5:20 – 5:30 petang	Ucapan Penutup	Puan Zemilah Binti Mohd Noor Pengerusi Jawatankuasa Kecil Kewangan Islam, Jawatankuasa Peguam Pulau Pinang
5:30 petang	Bersurai & minum petang	

6. Pihak kami ingin memohon supaya Assoc Prof To' Puan Dr. menyediakan ulasan selama 30 minit berkenaan tajuk yang akan disampaikan oleh Assoc Prof To' Puan Dr. semasa Simposium tersebut sepertimana yang tertera di dalam Aturcara di atas.

7. Selanjutnya, pihak kami akan membuat tempahan penginapan satu (1) malam di Hotel Royale Chulan Penang setelah Assoc Prof To' Puan Dr. mengesahkan tarikh daftar masuk, iaitu samada pada 24 November 2019 (Ahad) atau 25 November 2019 (Isnin).

8. Diharap Assoc Prof To' Puan Dr. dapat menghantar biodata Assoc Prof To' Puan Dr. kepada pihak kami sebelum 14hb Oktober 2019 untuk membolehkan kami menyediakan risalah Simposium untuk diedarkan kepada para peguam. Alamat e-mel pihak kami adalah [secretariat@penangbar.org](mailto:secretariat@penangbar.org)

9. Untuk sebarang maklumat lanjut, pihak Assoc Prof To' Puan Dr. boleh menghubungi Puan Zemilah Binti Mohd Noor di nombor 012-415 4151.

10. Kehadiran dan penglibatan Assoc Prof To' Puan Dr. dalam Simposium ini adalah amat dialu-alukan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



.....  
**Zemilah Mohd Noor**  
**Pengerusi**  
**Jawatankuasa Kecil Kewangan Islam**